



# LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[ Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 ( Akta 458 ) ]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI:

**LJT 1C Pt 21 /157**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT

LORONG PERAK

PUSAT BANDAR MELAWATI

53100 KUALA LUMPUR

No. Telefon: 03-41085191

No. Faksimili: 03-41085178

e-mail: [secretary@ljt.org.my](mailto:secretary@ljt.org.my)

laman web: [www.ljt.org.my](http://www.ljt.org.my)

06 April 2020  
12 Sya'aban 1441H

## Semua Juruukur Tanah Berlesen

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

### PAKEJ RANGSANGAN PRIHATIN JTB - COVID-19

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) telah mengisytiharkan COVID-19 sebagai pandemik berikutan penularan wabak itu ke seluruh dunia. Dalam usaha mengekang penyebaran wabak tersebut di dalam negara kita, Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara pada 18 Mac 2020 hingga 14 April 2020.

3. Dalam hubungan ini, Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) amat prihatin terhadap operasi firma Juruukur Tanah Berlesen (JTB) yang terkesan dengan pelaksanaan PKP oleh Kerajaan.

4. Oleh yang demikian, Lembaga telah mengadakan Mesyuarat Khas pada 27 dan 29 Mac 2020. Mesyuarat tersebut telah memutuskan untuk menyediakan insentif kepada JTB yang dikenali sebagai Pakej Rangsangan Prihatin JTB - COVID-19 (PRPJTB COVID-19). Insentif ini adalah merupakan bantuan segera kepada JTB yang terkesan semasa tempoh PKP ini dikuatkuasakan.

5. Dalam menentukan jumlah bantuan yang akan diberikan, Lembaga perlu mengambilkira kemampuan kedudukan kewangan semasa dan sentiasa menitikberatkan peraturan kewangan serta pengurusan perbelanjaan yang berhemah lagi terkawal.



6. Berikut adalah perincian subsidi yang akan diterima oleh JTB berdasarkan jenis pengoperasian firma mereka:

BANTUAN OPERASI PERNIAGAAN		FIRMA PEMILIK TUNGGAL	FIRMA PERKONGSIAN (BEROPERASI DALAM SATU BANGUNAN)	
		JTB	JTB	RAKAN KONGSI JTB
Subsidi langsung untuk mengurangkan beban perniagaan ( <i>one-off</i> )	Bayaran tunai sebanyak RM5,000 untuk Juruukur Tanah Berlesen (JTB).	RM5,000	RM5,000	RM5,000
Subsidi sewa pejabat	Bayaran RM500 untuk 3 bulan sewa pejabat JTB	RM1,500	RM1,500	TIADA
Subsidi bayaran utiliti pejabat - elektrik, air & telefon/faks	Bayaran RM500 untuk 3 bulan pejabat JTB	RM1,500	RM1,500	TIADA
Subsidi perbelanjaan <i>sanitizer, face mask &amp; thermometer</i>	Bayaran RM200 untuk 3 bulan pejabat JTB	RM 600	RM 600	TIADA
Subsidi langganan <i>wifi / internet</i>	Bayaran RM100 untuk 3 bulan	RM 300	RM 300	RM 300
Subsidi kemudahan & kelengkapan bekerja dari rumah ( <i>one-off</i> )	Bayaran sebanyak RM1,000 untuk JTB yang aktif	RM1,000	RM1,000	RM1,000
<b>BANTUAN KESIHATAN</b>				
Subsidi perbelanjaan ubat-ubatan	Bayaran RM100 secara <i>one-off</i> .	RM 100	RM 100	RM 100
Bantuan kewangan bagi JTB yang dikuarantin COVID-19	Bayaran RM50/Sehari selama 14 hari	JIKA ADA	JIKA ADA	JIKA ADA
<b>JUMLAH SUBSIDI</b>		<b>RM10,000</b>	<b>RM10,000</b>	<b>RM 6,400</b>

Bagi firma perkongsian yang beroperasi di alamat pejabat berasingan, setiap rakan kongsi akan menerima jumlah subsidi sepertimana firma pemilik tunggal.

7. Subsidi ini diberikan kepada JTB sahaja. Bayaran subsidi ini akan dibayar terus ke akaun JTB berdasarkan rekod di dalam sistem e-LJT dalam bulan April 2020.



8. Selain dari itu, Lembaga juga sedang mengambil tindakan ke atas perkara-perkara berikut:


- i. Meneruskan operasi pejabat LJT sepanjang tempoh PKP terutamanya yang melibatkan urusan pembayaran tuntutan kemajuan kerja yang dikemukakan oleh JTB bagi memastikan kelancaran aliran tunai firma JTB.
- ii. Menstruktur semula prosidur bayaran kemajuan berperingkat untuk kerja ukur hakmilik strata bagi membantu kedudukan kewangan firma JTB.
- iii. Mempertimbangkan subsidi bagi kakitangan JTB yang mencarum dengan KWSP berdasarkan surat LJT 6 Jld.9/(32) bertarikh 31 Mac 2020.
- iv. Mengadakan rundingan dengan pihak JUPEM dalam melanjutkan tempoh penghantaran kerja oleh JTB
- v. Menyumbang bersama Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia (PEJUTA), Koperasi Juruukur Tanah (KOJUTA), Koperasi Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (KOJUPEM), Yayasan Kebajikan Juruukur Tanah Berdaftar, Geospatial Science and Technology College (GSTC), Gomatic and Land Surveying Division (GLS), RISM dan Kelab Sukan dan Kebajikan JUPEM kepada Tabung COVID-19 yang telah dilancarkan oleh Kerajaan.
- vi. Menyokong cadangan pelaksanaan bayaran interim dividen sekurang kurangnya 2% oleh KOJUTA dan KOJUPEM.
- vii. Menyokong cadangan pembiayaan '*soft-loan*' oleh KOJUTA.
- viii. Moratorium sewaan Prima Ballroom selama 3 bulan.
- ix. Mengurangkan bayaran sewa untuk GSTC dan Pejabat Ukur Daerah, Selangor Timur sebanyak 50% selama 3 bulan.
- x. Mempertimbangkan sumbangan secara '*one-off*' bagi pengawal keselamatan yang bertugas di Wisma LJT dan Ibu Pejabat JUPEM, Kuala Lumpur dalam tempoh PKP.

9. Semoga pakej rangsangan ini dapat membantu bagi meringankan beban kewangan yang terpaksa ditanggung oleh JTB dalam tempoh PKP ini.

Sekian, terima kasih.

**'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'**

Saya yang menjalankan amanah,



**(SYISMAIL BIN HARUN)**  
Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Juruukur Tanah  
Malaysia